

## CRIME AGAINST CHILDREN IN AL-SUNAN AL-'ARBA'AH: ANALYSIS IN THE PERSPECTIVE OF FIQH AL-HADITH

### JENAYAH TERHADAP KANAK-KANAK DALAM SUNAN AL-'ARBA'AH: ANALISIS DALAM PERSPEKTIF FIQH AL-HADITH

Muhammad Sobri Faisal & Khadher Ahmad

Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

#### *Abstract*

*Four types of crimes against children including physical abuse, sexual abuse, emotional abuse and neglect are widely discussed by many figures and academics. Various backgrounds of studies covering epistemology and case studies on the issue have been conducted. However, the discussion specifically from the perspective of fiqh al-hadith is still lacking. Using inductive and deductive analysis methods, this article focuses on reviewing and analyzing hadiths related to crimes against children in the book of al-Sunan al-'Arba'ah. Apart from understanding the criminal case against children from the point of view of fiqh al-hadith, it also aims to classify related hadiths and see how Rasulullah SAW solves this problem. The results of the study found that there are nine hadiths in al-Sunan al-'Arba'ah that have to do with crime against children covering four basic categories of discussion. Based on the analysis conducted, the aspects of giving love, honesty with children, accountability, ability to control themselves, advise each other and be able to manage time fairly are the core of children's happiness and able to avoid these problems.*

**Keyword:** Crime against children, Hadith, Sunan al-'Arba'ah, Fiqh al-Hadith

#### **Abstrak**

Empat jenis jenayah terhadap kanak-kanak meliputi penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi dan pengabaian banyak dibincangkan oleh ramai tokoh dan ahli akademik. Pelbagai latar belakang kajian yang meliputi epistemologi dan kajian kes terhadap isu tersebut telah dijalankan. Namun begitu perbincangan secara khusus daripada sudut perspektif *fiqh al-hadith* didapati masih kurang. Menggunakan kaedah analisis induktif dan deduktif, artikel ini memberi fokus kepada mentemakan dan menganalisis hadith-hadith yang berkaitan dengan jenayah terhadap kanak-kanak di dalam kitab *al-Sunan al-'Arba'ah*.

#### **Penulis Utama:**

Muhammad Sobri Faisal

Jabatan al-Quran dan al-Hadis

Akademi Pengajian Islam

Universiti Malaya.

#### **E-mel:**

msobri.faisal@yahoo.com

Selain daripada memahami kes jenayah terhadap kanak-kanak daripada sudut fiqh al-hadith, ia juga bertujuan untuk mengklasifikasikan hadith-hadith berkaitan dan melihat bagaimana Rasulullah SAW menyelesaikan masalah ini. Hasil kajian mendapat sembilan hadith di dalam al-Sunan al-'Arba'ah yang mempunyai kaitan dengan jenayah terhadap kanak-kanak meliputi empat kategori asas perbincangan. Berdasarkan analisis yang dijalankan, aspek pemberian kasih sayang, jujur dengan kanak-kanak, kebertanggungjawaban, keupayaan mengawal diri, saling menasihati dan berupaya menguruskan masa dengan adil menjadi teras dalam kebahagiaan kanak-kanak dan mampu mengelakkan permasalahan ini.

**Kata kunci:** : Jenayah Terhadap Kanak-kanak, Hadith, Sunan al-'Arba'ah, Fiqh al-Hadith

## PENDAHULUAN

Setiap pasangan yang berkahwin pasti menginginkan agar dikurniakan cahaya mata yang akan menambah seri dan mengikat kasih sayang antara dua insan. Ia adalah lambang sifat pemurah Allah SWT dan sebagai suatu medium kepada hambanya untuk merebut peluang kebaikan dan meluahkan perasaan kasih sayang dengan makhluk lain. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Harta benda dan anak pinak itu, ialah perhiasan hidup di dunia; dan amal-amal salih yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Tuhanmu sebagai pahala balasan, dan lebih baik sebagai asas yang memberi harapan.” (Al-Kahf 18: 46)

Dengan berbuat baik kepada anak-anak dan menguruskan harta dengan bijaksana boleh dijadikan bekalan yang berpanjangan bagi menempuh kehidupan selepas seseorang meninggal dunia.<sup>1</sup> Pengurusan harta yang baik boleh menjadikan seorang manusia itu mendapat pelbagai manfaat dan kecantikan di dunia. Adapun kurniaan anak-anak yang soleh dan solehah akan menggalakkan pasangan ibu dan bapa dalam membuat kebaikan dan menjadi sumber kekuatan mereka di dunia ini.<sup>2</sup> Namun, kadangkala manusia alpa tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan dan memenuhi hak setiap jiwa yang hidup. Kegembiraan yang diimpikan selama ini disia-siakan oleh sebahagian pasangan dalam memenuhi hak kanak-kanak merangkumi keperluan tempat tinggal, makanan, pakaian dan pendidikan yang baik bagi menjamin keberlangsungan hidup.

Hak kanak-kanak adalah suatu hak yang telah termaktub di dalam al-Quran dan hadith-hadith baginda SAW serta dijamin oleh perlombagaan Malaysia. Oleh demikian penggubalan Akta Kanak-kanak 2001 telah dirangka bagi memastikan hak dan nasib kanak-kanak terus terbelia dan terpelihara. Suatu pelanggaran hak adalah satu jenayah yang mempunyai implikasi dan hukuman yang berkaitan agar ia terus dihormati. Jenayah adalah suatu kesalahan atau

<sup>1</sup> Al-Suyūtī, ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, ed. Markaz Hījrah li al-Buhūth, *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma’thūr* (Mesir: Dār Hījrah, 2003), 9:553.

<sup>2</sup> Al-Qurtūbī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farḥāt al-Anṣārī al-Khazrajī, ed. Aḥmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm Atṭafīsh, *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān*, ed. ke-2, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964), 10: 413.

perbuatan jahat yang bercanggahan atau bersalah dengan undang-undang sedia ada di dalam sesebuah negara.<sup>3</sup>

Jenayah terhadap kanak-kanak merujuk kepada perbuatan mendera dan mengabaikan seorang kanak-kanak oleh ibu bapa atau penjaga di bawah penjagaan mereka.<sup>4</sup> Kebanyakan kes jenayah terhadap kanak-kanak adalah hasil daripada tingkah laku ibu bapa atau penjaga mereka sendiri kepada kanak-kanak di bawah jagaannya. Namun tidak dinafikan terdapat kes yang diperlakukan oleh orang asing terhadap kanak-kanak termasuk di dalam kategori ini juga. Seharusnya kanak-kanak ini dipelihara dengan baik walaupun pelbagai kepayahan dihadapi dalam proses penjagaan mereka. Ini boleh dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu. Oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka. Dan kalua kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu).” (Al-Taghabun 64: 14)

Melalui ayat ini, menunjukkan anak-anak ini boleh menjadi suatu bala yang tidak diingini oleh setiap manusia. Namun jika mereka terus bersabar, maka balasan syurga akan menanti buat mereka yang berjaya.<sup>5</sup> Selain itu, melalui ayat ini menunjukkan jenayah kanak-kanak mempunyai hubungan yang signifikan dengan al-Quran dan al-hadith terhadap kisah-kisah yang berlaku ketika zaman Rasulullah SAW.

## SKOP DAN METODOLOGI KAJIAN

Artikel ini memfokuskan perbincangan terhadap hadith-hadith terpilih daripada empat kitab *Sunan* iaitu *Sunan Abū Dāwūd*, *Sunan al-Tirmidhī*, *Sunan al-Nasā'ī* dan *Sunan Ibn Mājah* atau disebutkan sebagai *Sunan al-'Arba'ah*. Pemilihan keempat-empat kitab ini adalah kerana kitab ini digunakan secara meluas oleh pelajar-pelajar dan orang awam secara amnya. Kemudian, dalam carian dan pemilihan hadith-hadith yang berkaitan dengan jenayah kanak-kanak, carian dilakukan melalui kata kunci atau istilah berikut iaitu *ghulām*, *awlād*, *ṣabī* dan istilah seumpama yang boleh membawa maksud atau mewakili kanak-kanak.

Melalui pendekatan analisis induktif dan deduktif, artikel ini akan menganalisis hadith-hadith terpilih tersebut bagi menganalisis data-data yang umum bagi mengeluarkan pemahaman yang lebih khusus atau data-data yang bersifat khusus dapat dianalisis bagi mengeluarkan pemahaman yang lebih umum dan global. Bagi memudahkan analisis dilakukan, keseluruhan hadith tersebut akan dianalisis berdasarkan pendekatan tematik di mana terhadap empat tema yang mewakili jenayah terhadap kanak-kanak iaitu [1] penderaan fizikal, [2] penderaan seksual, [3] penderaan emosi dan [4] pengabaian. Melalui tema ini,uraian dan analisis bagi mengeluarkan *fīqh al-hadīth* adalah dengan rujukan terhadap kitab-kitab syarah hadith seperti '*Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* oleh Ābādī, *Tuhfat al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi'* *al-Tirmidhī* dan sebagainya lagi daripada beberapa pandangan ulama yang berkaitan.

<sup>3</sup> Kamus Dewan Edisi Ketiga, 531.

<sup>4</sup> Jal Zabidi bin Mohd Yusoff, “Aspek Pencegahan Di Dalam Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak Di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya, 2007), 81.

<sup>5</sup> Al-Suyūtī, *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma'thūr* 14:517.

## JENAYAH TERHADAP KANAK-KANAK

Pada asasnya terdapat dua kategori jenayah yang melibatkan golongan kanak-kanak. Pertama adalah jenayah kanak-kanak iaitu jenayah yang dilakukan oleh golongan kanak-kanak itu sendiri. Ini bermaksud golongan ini merupakan pelaku. Manakala jenayah terhadap kanak-kanak ialah jenayah yang dilakukan ke atas golongan kanak-kanak dan mereka menjadi mangsa. Jenayah terhadap kanak-kanak mempunyai beberapa bentuk yang dipersetujui para ahli akademik dan pengkaji iaitu penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi dan pengabaian.

Penderaan fizikal adalah luka atau kecederaan kanak-kanak atau perbuatan yang boleh membawa maut atau kegagalan bertindak hasil perbuatan oleh ibu bapa atau penjaga.<sup>6</sup> Hal ini bermakna apa-apa tingkah laku yang boleh membawa kepada kematian seperti menanam bayi dalam keadaan hidup-hidup adalah suatu penderaan fizikal. Kedua, penderaan seksual setiap perbuatan yang mempunyai hubung kait dengan rangsangan alat kelamin, kepuasan seksual dan perbuatan yang mendorong tingkah laku tersebut.<sup>7</sup> Penderaan seksual merangkumi perbuatan sumbang mahram, pedofilia, *exhibitionism* (pendedahan lucah), mencabul kehormatan, perhubungan seks, merogol, seks sadis, pelacuran kanak-kanak dan gambar lucah kanak-kanak.<sup>8</sup>

Ketiga, penderaan emosi berlaku apabila kanak-kanak tidak mendapat kasih sayang dan perhatian yang sewajarnya dalam memenuhi kehendak mereka dengan baik.<sup>9</sup> Ia juga merupakan sebarang tingkah laku yang mengganggu mental kanak-kanak tersebut sehingga menimbulkan keresahan, kemurungan, pengasingan diri dan mengakibatkan tingkah laku agresif kanak-kanak itu adalah penderaan emosi.<sup>10</sup> Terakhir adalah pengabaian yang bermaksud suatu tingkah laku yang tidak dilakukan atau sikap tidak ambil peduli penjaga dalam memenuhi hak perlindungan terhadap kanak-kanak di bawah jagaan mereka.<sup>11</sup> Hal ini merangkumi pengabaian terhadap aspek pemakanan yang berkhasiat, keselamatan, pendidikan dan rawatan yang mencakupi aspek fizikal dan emosi.<sup>12</sup>

## HASIL DAPATAN

Sebelum membahaskan dengan lebih mendalam terhadap aspek *fiqh al-hadith*, penelitian dilakukan bagi mengenal pasti hadith yang sesuai dan berkaitan dengan jenayah terhadap kanak-kanak. Oleh yang demikian, hasil daripada penelitian dan analisis yang dijalankan, dapat keseluruhannya adalah seperti berikut:

<sup>6</sup> David R. Walters, *Physical and Sexual Abuse of Children (Cause and Treatment)* (London: Indiana University Press, 1975), 27.

<sup>7</sup> Lewis, R. dan Spanier, G., *Theorizing About The Quality and Stability of Marriage. Contemporary Theories About The family* (New York: The Free Press, 1979), 24.

<sup>8</sup> Kempe, C. Henry, *The Battered Child* (London: The University of Chicago Press, 1968), 3-4.

<sup>9</sup> Khadijah Alavi dan Ann Wan Seng, *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-kanak* (Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd., 2003), 18.

<sup>10</sup> Kasmini Kassim, *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung* (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1998), 11.

<sup>11</sup> Jal Zabidi Mohd Yusoff, *Jenayah Keganasan Rumah Tangga* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2004), 110.

<sup>12</sup> Ammerman, Robert dan Herson, Michael, *Children at Risk (An Evaluation of Factors Contributing to Child Abuse and Neglect)* (New York: Plenum Press, 1990), 28.

## [1] Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan Abū Dāwūd* Mengikut Tajuk Bab (Kitab Dan Bab)

Jadual 1.0: Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-kanak dalam kitab *Sunan Abū Dāwūd* Mengikut Tajuk Bab (Kitab dan Bab)

| <i>Sunan Abū Dāwūd</i>                               |                                  |   |            |                 |                 |
|--|----------------------------------|---|------------|-----------------|-----------------|
| Bil.   | Nama Kitab                       | Nama Bab  | No. Hadith | Bilangan Hadith | Jenis Penderaan |
| 1  | كتاب السنّة<br>Kitāb al-Sunnah   | بابُ فِي ذَرَارِيِّ الْمُشْرِكِينَ<br>(Pada perempuan dan anak orang Mushrikin)   | ٤٧١٧       | 1               | Fizikal         |
| 2  | كتاب الطلاق<br>Kitāb al-Ṭalāq    | بابُ فِي تَعْظِيمِ الرَّزَنَةِ<br>(Membesarkan zina)  | 2311       | 1               | Seksual         |
| 3  | كتاب الإيجارة<br>Kitāb al-Ijārah | بابُ فِي الرَّجُلِ يَقْضِي بَعْضَ وَلَدِهِ فِي النَّحْلِ<br>(Lelaki melebihkan sebahagian anaknya pada hadiah)          | 3542-3544  | ٣               | Emosi           |
| 4  | كتاب الأدب<br>Kitāb al-Adab      | بابُ فِي التَّشْبِيدِ فِي الْكِتَابِ<br>(Penegasan terhadap penipuan)   | 4991       | ١               | Emosi           |
| 5  | كتاب الأدب<br>Kitāb al-Adab      | بابُ فِي قُبْلَةِ الرَّجُلِ وَلَدَهُ<br>(Lelaki mencium anaknya)  | ٥٢١٨       | ١               | Pengabaian      |
| 6  | كتاب الصلاة<br>Kitāb al-Ṣalāh    | بابُ مَئَى يُؤْمِرُ الْعَالَمُ بِالصَّلَاةِ<br>(Bila anak disuruh solat)  | 494-495    | 2               | Pengabaian      |
| 7  | كتاب الإيجارة<br>Kitāb al-Ijārah | بابُ فِي الرَّجُلِ يَأْخُذُ حَقًّا مِّنْ تَحْتِ يَدِهِ<br>(Lelaki mengambil haknya bagi sesiapa di bawah tanggungannya) | 3532-3533  | 2               | Pengabaian      |
| Jumlah Keseluruhan Hadith (termasuk hadith berulang) |                                  |   |            | 11              |                 |

Sumber: Hasil Analisis

Berdasarkan Jadual 1.0 menunjukkan hadith-hadith yang mempunyai ciri-ciri jenayah terhadap kanak-kanak yang merangkumi penderaan fizikal bagi hadith pertama. Hadith kedua adalah hadith berkaitan penderaan seksual. Penderaan emosi bagi hadith nombor tiga dan empat. Manakala pengabaian bagi hadith kelima sehingga hadith ketujuh. Hadith-hadith ini telah disusun mengikut nama kitab, nama bab serta no hadith yang terdapat di dalam *sunan Abū Dāwūd*.

Terdapat beberapa hadith yang bersifat pengulangan berdasarkan jumlah sanad yang dibawa oleh *Abū Dāwūd* sendiri di dalam kitabnya. Hadith pertama yang berlaku pengulangan adalah yang dikategorikan sebagai penderaan emosi mengisahkan cerita al-Nu'mān bin Bashīr yang bertindak tidak adil antara anak-anaknya sendiri. Ia dimuatkan di dalam kitab sewa (كتاب) disebabkan al-Nu'mān meminta supaya menjadi saksi atas perbuatannya akan tetapi ditolak oleh Rasulullah SAW.

Pengulangan hadith turut berlaku pada hadith yang mengingatkan agar anak-anak diajarkan solat dan dipisahkan tempat tidur mereka. Hadith-hadith ini termasuk di dalam kategori pengabaian iaitu apabila seorang anak tidak diberi proses pendidikan yang baik sama ada daripada sudut kerohanianya iaitu solat atau perkara yang membabitkan maruah diri kanak-kanak itu sendiri apabila tidak diberi pendidikan berkaitan pendidikan seksualiti dan

keperluan mengasingkan tempat tidur antara lelaki dan perempuan apabila sudah meningkat umur 10 tahun.

Hadith yang berlaku pengulangan juga adalah hadith Hindun yang menceritakan tentang sifat kikir (yakni kedekut atau bakhil) Abū Sufyān terhadap ahli keluarganya sendiri yang membuatkan Hindun mengadu kepada Rasullulah SAW. Kesimpulannya, jumlah keseluruhan hadith termasuk hadith berulang di dalam *sunan Abū Dāwūd* adalah 11 hadith.

## [2] Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan al-Tirmidhī* Mengikut Tajuk Bab (Kitab Dan Bab)

Jadual 2.0: Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-kanak dalam kitab *Sunan al-Tirmidhī* Mengikut Tajuk Bab (Kitab dan Bab)

| <i>Sunan al-Tirmidhī</i>                             |   |   |            |                 |                 |
|--|---|---|------------|-----------------|-----------------|
| Bil.   | Nama Kitab  | Nama Bab  | No. Hadith | Bilangan Hadith | Jenis Penderaan |
| 1  | أَبْوَابُ الْأَحْكَامِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>Abwāb al-Aḥkām ‘an Rasulullah SAW                    | بَابُ مَا جَاءَ فِي النَّخْلِ وَالثَّسْوِيَةِ بَيْنَ الْوَلَدِ (Menghadiahkan dan menyamakan pemberian antara anak) | 1367       | 4               | Emosi           |
| 2  | أَبْوَابُ الْبَرِّ وَالصِّلَّةِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>Abwāb al-Bir wa al-Silah ‘an Rasulullah SAW | بَابُ مَا جَاءَ فِي رَحْمَةِ الْوَلَدِ (Kasih pada anak)  | 1911       | 2               | Pengabaian      |
| 3  | أَبْوَابُ الْبَرِّ وَالصِّلَّةِ عَنْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>Abwāb al-Bir wa al-Silah ‘an Rasulullah SAW | بَابُ مَا جَاءَ فِي النَّفَقَةِ عَلَى الْبَنَاتِ وَالْأَخْوَاتِ (Nafkah pada anak perempuan dan saudara perempuan)  | 1914       | 1               | Pengabaian      |
| Jumlah Keseluruhan Hadith (termasuk hadith berulang) |   |   |            | 7               |                 |

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 2.0 menunjukkan *sunan al-Tirmidhī* merekodkan tujuh hadith yang berulang. Daripada tujuh buah hadith tersebut empat hadith menceritakan mengenai hadith al-Nu'mān yang telah bersikap tidak adil terhadap pemberian hadiah yang diberikan kepada anak-anaknya. Walaupun *al-Tirmidhī* meletakkan ia di dalam satu hadith yang sama, namun terdapat jumlah sanad yang banyak bagi hadith tersebut. Ia sekaligus menunjukkan suatu penderaan emosi berlaku terhadap anak al-Nu'mān yang lain.

Tiga hadith yang lain merupakan hadith dalam kategori pengabaian dengan satu hadith mengenai pengabaian dengan menceritakan ganjaran bagi seseapa yang bersabar dalam menjaga dan mendidik dua anak perempuan. Kegagalan dalam memberi kehidupan yang baik kepada anak perempuan menyebabkan seseorang tidak berpeluang bersama dengan Rasulullah SAW di akhirat kelak. Manakala satu hadith lagi mengenai kisah al-Aqra' yang tidak pernah menzahirkan kasih sayang kepada 10 orang anak-anaknya yang didambakan oleh setiap kanak-kanak. *Al-Tirmidhī* membawa dua sanad daripada hadith ini. Jumlah keseluruhan hadith yang terdapat di dalam *sunan al-Tirmidhī* adalah tujuh hadith.

### [3] Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan al-Nasā'ī* Mengikut Tajuk Bab (Kitab Dan Bab)

Jadual 3.0: Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-kanak dalam kitab *Sunan al-Nasā'ī* Mengikut Tajuk Bab (Kitab dan Bab)

| <i>Sunan al-Nasā'ī</i>                               |  |  |  |                 |                 |
|--|--|--|--|-----------------|-----------------|
| Bil.   | Nama Kitab                               | Nama Bab   | No. Hadith   | Bilangan Hadith | Jenis Penderaan |
| 1  | كتاب النخل<br>Kitāb al-Nahl              | يُذكُر اختلاف الفاظ النافقين لخبر العمآن بن بشير في النخل<br>(Menyebut perbezaan lafaz hadith al-Nu'mān) | ٣٦٧٤-<br>3676,<br>3678,<br>3681-<br>3684,<br>3687-<br>3689 | 16              | Emosi           |
| 2  | كتاب آداب الفضاعة<br>Kitāb Ādāb al-Quḍāh | قضاء الحاكم على الغائب إذا عرفه<br>(Hakim menjatuhkan hukuman ke atas orang yang tidak hadir)            | 5422   | 1               | Pengabaian      |
| Jumlah Keseluruhan Hadith (termasuk hadith berulang) |  |  | 17   |                 |                 |

Sumber: Hasil Analisis

Berdasarkan jadual 3.0, hanya terdapat dua hadith yang berkaitan jenayah terhadap kanak-kanak di dalam *sunan al-Nasā'ī* namun jika dibandingkan dengan kitab-kitab lain, jumlah hadith yang terdapat di dalam *sunan al-Nasā'ī* adalah yang terbanyak disebabkan faktor kepelbagaiannya yang dibawa oleh *al-Nasā'ī* mengenai kisah hadith al-Nu'mān, bahkan beliau telah meletakkan ia di dalam satu kitab dengan dinamakan Kitāb al-Nahl (كتاب النخل) dengan mengumpulkan kepelbagaiannya yang sama tetapi melalui sanad yang banyak.

Manakala hadith kedua adalah mengenai pengabaian kanak-kanak iaitu hadith mengenai Hindun mengadu kepada Abū Sufyān yang juga terdapat di dalam *sunan Abū Dāwūd*. Kesimpulannya hanya dua hadith yang direkodkan di dalam *sunan al-Nasā'ī* dengan jumlah 17 hadith keseluruhannya termasuk hadith berulang.

### [4] Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan Ibn Mājah* Mengikut Tajuk Bab (Kitab Dan Bab)

Jadual 4.0: Taburan Hadith-Hadith Jenayah Terhadap Kanak-kanak dalam kitab *Sunan Ibn Mājah* Mengikut Tajuk Bab (Kitab dan Bab)

| <i>Sunan Ibn Mājah</i>                               |                                    |  |               |                 |                 |
|--|------------------------------------|--|---------------|-----------------|-----------------|
| Bil.   | Nama Kitab                         | Nama Bab   | No. Hadith    | Bilangan Hadith | Jenis Penderaan |
| 1  | كتاب الہبات<br>Kitāb al-Hibāt      | باب الرجُل ينْحَلُّ ولَدَةً<br>(Lelaki menghadiahkan kepada anaknya)                                       | 2375-<br>2376 | 2               | Emosi           |
| 2  | كتاب الأدب<br>Kitāb al-Adab        | باب بِرِّ الْوَالِدِ، وَالإِحْسَانُ إِلَى الْبَنَاتِ<br>(Baik kepada ayah dan ihsan kepada anak perempuan) | 3665          | 1               | Emosi           |
| 3  | كتاب التيجارات<br>Kitāb al-Tijārāt | باب مَا لِمَرْأَةٍ مِّنْ مَالٍ زَوْجَهَا<br>(Hak wanita daripada harta suaminya)                           | 2293          | 1               | Pengabaian      |
| Jumlah Keseluruhan Hadith (termasuk hadith berulang) |                                    |  | 4             |                 |                 |

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 4.0 adalah kesinambungan daripada jadual sebelum-sebelum ini dengan berlaku pertindihan hadith yang sama di dalam tiga kitab sebelum ini. Dua hadith direkodkan di dalam *sunan Ibn Mājah* mengenai penderaan emosi iaitu kisah al-Nu'mān dengan dua sanad direkodkan dan satu sanad bagi kisah ‘Arābī yang tidak pernah memberi ciuman kasih sayang kepada anak-anaknya. Manakala satu hadith lain adalah kisah Hindun yang membuat pengaduan kepada Rasulullah SAW akan kekikiran suaminya sebanyak satu sanad. Kesimpulannya terdapat empat hadith direkodkan di dalam *sunan Ibn Mājah* termasuk hadith yang berulang.


### [5] Bilangan Matan Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan al-'Arba'ah*

Jadual 5.0: Bilangan Matan Hadith Berkenna Jenayah Terhadap Kanak-kanak

| Bil. | Kitab <i>Sunan al-'Arba'ah</i> | Bilangan Hadith |
|------|--------------------------------|-----------------|
| 1.   | <i>Sunan Abū Dāwūd</i>         | 11              |
| 2.   | <i>Sunan al-Tirmidhī</i>       | 7               |
| 3.   | <i>Sunan al-Nasā'i</i>         | 17              |
| 4.   | <i>Sunan Ibn Mājah</i>         | 4               |

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 5.0 menunjukkan jumlah keseluruhan hadith bagi matan hadith jenayah terhadap kanak-kanak dengan pengulangan. Jika dijumlahkan hadith yang berulang, *sunan al-Nasā'i* mempunyai jumlah yang besar dengan 17 buah hadith, diikuti dengan *sunan Abū Dāwūd* sebanyak 11 hadith, *sunan al-Tirmidhī* dengan tujuh (7) hadith manakala *sunan Ibn Mājah* sekadar 4 buah hadith sahaja. Adapun jika tidak berlaku pengulangan, *sunan Abū Dāwūd* merekodkan jumlah hadith yang tinggi iaitu sebanyak tujuh (7) buah hadith keseluruhannya. Bahkan di dalam *sunan Abū Dāwūd* wujud hadith bagi setiap kategori sama ada penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi mahupun pengabaian. Hampir keseluruhan hadith yang turut direkodkan pada kitab lain wujud di dalam *sunan Abū Dāwūd* melainkan hadith bagi kisah ‘Arābī dan hadith ganjaran menjaga anak perempuan dengan baik. Graf palang dibawah memberi gambaran jelas jumlah hadith yang terdapat di dalam keempat-empat kitab hadith.



Rajah 1: Bilangan Matan Hadith Berkenna Jenayah Terhadap Kanak-kanak

Sumber: Hasil Analisis


Bagi melihat pecahan kategori jenayah terhadap kanak-kanak pula boleh dirujuk jadual berikut.

Jadual 5.1: Bilangan Hadith Berkenaan Jenayah Terhadap Kanak-kanak Mengikut Kategori

| Bil. | Jenis Penderaan   | <i>Sunan Abū Dāwūd</i> | <i>Sunan al-Tirmidhī</i> | <i>Sunan al-Nasā'ī</i> | <i>Sunan Ibn Mājah</i> |
|------|-------------------|------------------------|--------------------------|------------------------|------------------------|
| 1.   | Penderaan Fizikal | 1                      | 0                        | 0                      | 0                      |
| 2.   | Penderaan Seksual | 1                      | 0                        | 0                      | 0                      |
| 3.   | Penderaan Emosi   | 2                      | 1                        | 1                      | 2                      |
| 4.   | Pengabaian        | 3                      | 2                        | 1                      | 1                      |

Sumber: Hasil Analisis

Melalui jadual 6.0, didapati *Abū Dāwūd* ada merekodkan semua jenis merangkumi penderaan fizikal sebanyak sebuah hadith, penderaan seksual sebuah hadith, penderaan emosi dua hadith dan pengabaian sebanyak tiga buah hadith. Manakala tidak direkodkan direkodkan di dalam kitab-kitab lain bagi hadith berkaitan penderaan fizikal dan penderaan seksual. Bagi penderaan emosi dan pengabaian, di dalam tiga kitab lain selain *sunan Abū Dāwūd* masing-masing merekodkan jumlah hadith yang seimbang sama ada dua buah hadith atau hanya satu hadith bagi setiap kategori. Graf berikut dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai kedudukan hadith jenayah terhadap kanak-kanak di dalam *sunan al-'Arba'ah*.



Rajah 2: Bilangan Matan Hadith Berkenaan Jenayah Terhadap Kanak-kanak Mengikut Kategori  
Sumber: Hasil Analisis

## [6] Analisis Taburan Hadith Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan al-'Arba'ah*

Jadual 6.0: Hadith-hadith Terpilih Dalam Kitab *sunan al-'Arba'ah*

| Bil. | Pangkal Awal Matan Hadith  | Kitab <i>sunan al-'Arba'ah</i> |                          |                        |                        | Jenis Jenayah Terhadap Kanak-kanak |
|------|--|--------------------------------|--------------------------|------------------------|------------------------|------------------------------------|
|      |  | <i>Sunan Abū Dāwūd</i>         | <i>Sunan al-Tirmidhī</i> | <i>Sunan al-Nasā'ī</i> | <i>Sunan Ibn Mājah</i> |                                    |
| 1    | الْوَائِدَةُ وَالْمَوْعِدَةُ فِي النَّارِ  | /                              |                          |                        |                        | Penderaan Fizikal                  |
| 2    | جَاءَتْ مِسْكِينَةٌ لِيُعْصِي الْأَئْصَارِ، فَقَالَتْ: إِنَّ سَيِّدِي يُكْرِهُنِي عَلَى الْبَعَاءِ | /                              |                          |                        |                        | Penderaan Seksual                  |

|   |  |   |   |   |   |                 |
|---|--|---|---|---|---|-----------------|
| 3 | قَالَ أَخْلَنِي: أَبِي حُجَّلًا، قَالَ إِسْتَعِيلُ بْنُ سَالِمٍ: مِنْ بَنِي الْفَوْمِ<br>نَحْنَ لَا عَلَمَنَا لَهُ             | / | / | / | / | Penderaan Emosi |
| 4 | قَدِيمٌ نَاسٌ مِنَ الْأَعْرَابِ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>فَقَالُوا: أَتَقْتِلُونَ صِبَّيَانَكُمْ؟ |   |   |   | / |                 |
| 5 | أَنَّهُ قَالَ دَعَنِي أُمِّي يَوْمًا وَرَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>قَاعِدًا فِي                       | / |   |   |   |                 |
| 6 | أَنَّ الْأَفْرَعَ بْنَ حَابِسٍ، أَنْصَرَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ<br>وَهُوَ يُقْتَلُ حُسْنِيَّاً           | / | / |   |   | Pengabaian      |
| 7 | مِنْ عَالَ جَارِيَتِينِ دَخَلْتُ أَنَا وَهُوَ الْجَنَّةَ كَهَائِنِ، وَأَشَارَ<br>بِأُصْبَعِيهِ                                 |   | / |   |   |                 |
| 8 | مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَمُنْ أَبْنَاءُ سَعْيَ سَبِينَ وَاضْرِبُوهُمْ<br>عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ سَبِينَ  | / |   |   |   |                 |
| 9 | إِنَّ أَبَا سَعْيَانَ، رَجُلٌ شَحِيقٌ وَإِنَّهُ لَا يُعْطِلُنِي مَا يَكْفِيَنِي<br>وَبَيْنَ                                    | / |   | / | / |                 |

Sumber: Hasil Analisis

Jadual 6.0 menjelaskan hadith yang berkaitan dengan jenayah terhadap kanak-kanak adalah sembilan (9) buah hadith keseluruhannya. Penderaan fizikal dan penderaan seksual merekodkan sebuah hadith masing-masing dengan kedua-duanya direkodkan di dalam *sunan Abū Dāwūd*. Bagi kategori penderaan emosi pula, terdapat tiga (3) buah hadith keseluruhannya dengan kesemua kitab merekodkan hadith al-Nu'mān. Manakala terdapat pertambahan satu hadith di dalam kategori ini di dalam *sunan Abū Dāwūd* dan *sunan Ibn Mājah*. Pengabaian pula terdapat empat (4) buah hadith keseluruhannya. Hadith mengenai kisah Hindun direkodkan di dalam tiga buah kitab kecuali *sunan al-Tirmidhī*. Kisah al-'Aqra' tidak memberi perhatian yang baik kepada anaknya di dalam *sunan Abū Dāwūd* dan *sunan al-Tirmidhī*. Manakala pertambahan satu hadith masing-masing di dalam *sunan Abū Dāwūd* dan *sunan al-Tirmidhī* juga.

## PERBINCANGAN

### *Fiqh al-Hadīth* Jenayah Terhadap Kanak-Kanak Dalam Kitab *Sunan al-'Arba'ah* Pertama: Perbincangan Tentang Penderaan Fizikal

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'Āmir katanya: Rasulullah SAW bersabda:  
“Wanita yang menguburkan anaknya hidup-hidup dan (anak) yang dikuburkan masuk neraka.”<sup>13</sup>

Perbuatan menamam anak perempuan ketika mereka masih bernyawa merupakan amalan tradisi masyarakat jahiliyyah.<sup>14</sup> Perkataan ‘al-Maw’udah’ di dalam hadith bererti kanak-kanak perempuan yang dibunuhan secara kejam dengan dikuburkan mereka ketika masih bernyawa. Ia

<sup>13</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: Kitāb al-Sunnah, Bāb fī Dharārī al-Mushrikīn, no. hadith 4777. Abū Dāwūd Sulaimān bin al-Ash'ath al-Sajatānī al-Azdī, “Sunan Abī Dāwūd,” ed. Jamāl Aḥmad Ḥasan dan Muhammad Barbar, (Beirut: al-Maktabah al-'Asriyyah, 2011), 874.

<sup>14</sup> Al-A'zīm al-Ābādī, Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaq, ‘Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah, 1968), 9: 1953.

merupakan adat masyarakat jahiliyyah dan merupakan suatu kebanggaan bagi mereka.<sup>15</sup> Amalan menguburkan anak perempuan hidup-hidup ini dikatakan apabila lama sebelum itu anak perempuan kepada seorang pembesar kaum yang telah ditawan oleh kaum lain dan telah dinikahi olehnya. Apabila bapanya datang untuk menebus kembali anak perempuan yang ditawan sebelum ini, anak perempuan tersebut tidak mahu dan memilih untuk kekal bersama suaminya. Hal ini mengundang kemarahan si bapa dan dia bersumpah untuk membunuh setiap anak perempuan yang dilahirkan untuknya. Lalu ia menjadi ikutan kaum jahiliyyah. Antara faktor lain pembunuhan anak perempuan hidup-hidup ini disebabkan takut kepada kemiskinan seperti yang disebutkan dalam al-Quran.<sup>16</sup> Ibn Hajar mengatakan faktor utama amalan terkutuk tersebut adalah seperti yang disebutkan di dalam al-Quran namun berdasarkan cerita di dalam hadith *Sahīh al-Bukhārī* mengenai seorang yang bernama Zayd telah mengambil anak-anak perempuan yang hendak dibunuh oleh ibu bapa mereka juga berlaku.<sup>17</sup> Hal ini menggambarkan bahawa usaha untuk menjaga anak perempuan yang dibuang oleh ahli keluarga mereka sendiri turut dilakukan oleh sebilangan masyarakat jahiliyyah ketika itu di kala kehidupan masyarakat ketika itu sangat rosak dengan pelacuran dan seks bebas yang diamalkan oleh mereka. Bagi mereka yang berakal waras, mereka tidak akan melakukan kekejaman dan kezaliman ini terhadap kanak-kanak ini bahkan berusaha untuk melindungi mereka daripada perlakuan yang tidak elok. Terdapat riwayat menyatakan bahawa Zayd telah mengasuh anak-anak perempuan yang hampir dibunuh oleh ahli keluarga mereka sendiri sehingga mencecah hampir 360 orang kesemuanya.<sup>18</sup>

Hadith ini dikategorikan sebagai penderaan fizikal disebabkan perlakuan menanam anak perempuan tersebut dilakukan secara hidup-hidup bukan menanam mereka setelah meninggal dunia atau dibunuh terlebih dahulu. Gambaran perlakuan menanam suatu yang hidup pasti merupakan suatu yang sangat perit dan menderita sebelum mereka sudah tidak bernyawa lagi. Melalui hadith ini, dapat disimpulkan bahawa antara cara membantu usaha pemulihan terhadap jenayah terhadap kanak-kanak adalah dengan memberi perlindungan dan mengambil kanak-kanak malang ini ditempatkan di satu tempat khas agar mereka boleh mengecapi kehidupan yang normal sepermulaan orang lain.

## Kedua: Perbincangan Tentang Penderaan Seksual

Terjemahan: Mendengar daripada Jābir bin ‘Abd Allah katanya: “Seorang wanita miskin milik sebahagian orang Anṣār datang dan berkata: “Sesungguhnya tuanku telah memaksaku untuk melacur. Kemudian turunlah mengenai hal tersebut: “Dan janganlah kalian memaksa budak-budak wanita kalian untuk melacur.”<sup>19</sup>

Hadith ini telah diriwayatkan secara *mawqif* kepada Jabir ra. Ia menggambarkan bahawa amalan mengeksplorasi budak perempuan telah pun berlaku masa zaman Rasulullah SAW lagi di mana ‘Abd Allah bin Ubay bin Salul telah menyuruh hamba-hamba perempuannya untuk melacurkan diri dan mendapat pulangan daripada hasil pelacuran tersebut sejak zaman

<sup>15</sup> Al-Ṭayālisī, Sulaymān bin Dāwud bin al-Jārūd, ed. Muḥammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī, *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālisī* (Kaherah: Hijr lil Tibā’ah wa al-Nashr, 1999), 2: 345.

<sup>16</sup> Surah al-An’ām, ayat 151: “Janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana takut miskin. Kami yang memberi rezeki kepada kamu dan mereka.”

<sup>17</sup> Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allah bin Bāz, (Beirut: Dār al-Ma’rifah, 1961), 7: 145.

<sup>18</sup> Al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭayyir al-Lakhamī al-Shāmī, ed. Ḥamdī bin ‘Abd al-Majid al-Salafī, *al-Mu’jam al-Kabīr*, ed. ke-2, (Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah, 1994), 8: 76.

<sup>19</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: Kitāb al-Talāq, Bāb fī Ta’zīm al-Zinā, no. hadith 2311. 437.

jahiliyyah lagi.<sup>20</sup> Nama *jariyah* yang dimaksudkan tersebut adalah Umaymah dan Musaikah<sup>21</sup> sedangkan mereka tidak menyukai perbuatan tersebut. Namun apabila mereka menyatakan keangganan mereka, ‘Abd Allah akan memukul mereka<sup>22</sup> lalu turunlah ayat al-Quran yang melarang untuk memaksa budak-budak perempuan untuk melacurkan diri mereka kerana ia adalah perbuatan zina yang telah diharamkan oleh Allah SWT.

Jelas di dalam hadith ini ‘Abd Allah bin Ubay telah mengeksplorasi golongan kanak-kanak untuk mendapat keuntungan hasil daripada aktiviti pelacuran tersebut. Ia sepertimana yang telah dimaklumi bahawa sebarang usaha atau perbuatan yang menggunakan seorang kanak-kanak bagi tujuan keuntungan orang dewasa ia adalah suatu bentuk eksplorasi yang tidak dibenarkan *shara’* dan undang-undang. Melalui hadith ini, larangan keras harus diberikan kepada masyarakat atau orang sekeliling akan kejelekan amalan zina atau seumpamanya. Usaha yang berterusan harus digembleng bagi memastikan masyarakat faham dan tidak menjadikan kanak-kanak sebagai alat untuk mengecapi kemewahan dunia. Menyemai iman dan ilmu yang baik kepada masyarakat diyakini dapat menghindari amalan terkutuk ini daripada terus berlaku.

### Ketiga: Perbincangan Tentang Penderaan Emosi

#### [Hadith Pertama]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada al-Nu’mān bin Bashīr ra berkata: “Ayahku memberi aku suatu pemberian. Ismā’il bin Sālim berkata: “Di antara orang berupa seorang budak miliknya.” Nu’mān berkata: “Kemudian ibuku ‘Amrah binti Rawāḥah berkata kepadanya: “Datanglah kepada Rasulullah SAW dan mintalah persaksian kepada baginda.” Basyīr lalu datang kepada nabi SAW dan meminta persaksian baginda. Ia lantas menceritakan hal tersebut kepada baginda, beliau berkata: “Sesungguhnya aku telah memberikan suatu pemberian kepada anakku, al-Nu’mān. Dan ‘Amrah meminta agar aku meminta persaksian anda (SAW) atas hal tersebut?” Kemudian baginda bertanya: “Apakah engkau memiliki anak selainnya?” Ia menjawab: “Ya.” Baginda bertanya: “Apakah semua kamu beri sebagaimana yang telah diberikan kepada al-Nu’mān?” Maka dia menjawab: “Tidak.” Maka sebahagian orang yang melaporkan menyatakan: “Itu adalah perbuatan aniaya!” Sedang yang lain menyatakan: “Itu adalah paksaan mintalah persaksian atas hal ini kepada selainku!” Mughīrah menyebutkan di dalam hadithnya: “Tidakkah kamu suka jika mereka sama dalam berbuat baik dan berkasih sayang terhadapmu?” Maka dia menjawab: “Ya.” Maka dia menambahkan: “Maka saksikanlah hal itu pada selainku.” Mujālid menyebutkan: “Sesungguhnya mereka memiliki hak atas dirimu untuk berbuat adil di antara mereka sebagaimana engkau memiliki hak atas mereka agar mereka berbakti kepadamu.” Abū Dāwūd berkata di dalam hadith al-Zuhrī: “Sebahagian ahli hadith menyebutkan: “Apakah seluruh anak lelakimu?” Sedangkan sebahagian ahli hadith menyebutkan: “Apakah kepada seluruh anakmu?” Ibn Abī Khālid menyebutkan daripada al-Sha’bī mengenai hadith tersebut: “Apakah engkau memiliki anak lelaki selainnya?” Abū al-Duḥā menyebutkan daripada al-Nu’mān bin Bashīr: “Apakah engkau memiliki anak selainnya?”<sup>23</sup>

<sup>20</sup> Al-A’zīm al-Ābādī, *Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 6:302.

<sup>21</sup> Al- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, ed. Abū Ishāq al-Huwaynī al-Athārī, *al-Dībāj ‘alā Ṣahīḥ Muslim bin al-Ḥajjāj* (Saudi Arabia: Dār Ibn ‘Affān li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 6: 327.

<sup>22</sup> Al- Suyūṭī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, *al-Durr Al-Manthūr fī Tafsīr Bil-Ma’thūr* (Mesir: Dār Hijr, 2003), 11:52.

<sup>23</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: Kitāb al-Ijārah, Bāb fī al-Rajul Yufaddil Ba’ḍ Waladīh fī al-Nuḥl, no. hadith 3542. 670.

Hadith ini telah diriwayatkan dengan pelbagai jalan dengan lafaz yang pelbagai. Bahkan al-Nasā'ī telah menghimpunkan hadith-hadith tersebut di dalam satu bab khas. Hadith ini berkisar mengenai seorang anak kecil bernama al-Nu'mān yang telah diberi hadiah oleh ayahnya ketika beliau masih kecil lagi. Hal ini kerana Bashīr iaitu ayahnya pernah mahu Rasulullah SAW menjadi saksi bagi perjanjian antara Bashīr dan isterinya; ‘Amrah binti Rawāḥah mengenai hadiah berupa kebun yang telah dijanjikan untuk diberi kepada al-Nu'mān. Namun apabila sampai masa untuk ditunaikan janji tersebut maka Bashīr telah menggantikannya dengan seorang budak. Disebabkan khuatir suaminya akan melakukan hal yang sama lagi iaitu mengambil semula barang yang sepatutnya menjadi hak anak mereka, ‘Amrah meminta supaya ia dipersaksikan di hadapan Rasulullah SAW agar perkara yang sama tidak berulang.<sup>24</sup> Rasulullah bertanya kepada mereka adakah anak-anak mereka yang lain mendapat habuan seperti al-Nu'mān, namun Bashīr mengatakan ia tidak memberi hadiah kepada kesemua anaknya dengan pemberian yang sama.

Daripada hadith ini, dapat dilihat bagaimana nabi SAW memberi suatu pengajaran berbentuk nasihat kepada Bashīr agar berlaku adil dan tidak membezakan kasih sayangnya antara anak-anak dan menghormati serta menjaga hak mereka walaupun mereka masih kecil lagi. Baginda SAW memerintahkan agar tidak membezakan<sup>25</sup> atau mendekatkan<sup>26</sup> jurang perbezaan antara pemberian antara anak-anak agar tidak berlaku kezaliman antara anak atau menderhakai ibu bapa mereka sendiri atas rasa tidak puas hati. Baginda juga meminta agar dipulangkan hadiah tersebut kepada bapanya semula.

#### [Hadith Kedua]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Āishah ra berkata: “Sekelompok orang badwi datang menemui nabi SAW lalu berkata: “Apakah kalian mencium anak-anak kecil? Para sahabat menjawab: “Ya.” Maka orang badwi tersebut berkata: “Demi Allah, kami tidak pernah mencium mereka.” Nabi SAW bersabda: “Aku memiliki apa yang telah Allah hilangkan sikap kasih sayang kalian.”<sup>27</sup>

Hadith ini mempunyai beberapa versi lain yang dilihat menyerupai seperti kisah di atas. Kisah di dalam hadith yang menyatakan seorang badwi yang datang kepada nabi SAW jika dilihat menerusi hadith-hadith lain akan difahami terdapat tiga pendapat ulama berkaitan individu tersebut. Ini yang dikatakan tafsiran hadith melalui hadith lain. Antara yang disebut ialah al-Aqra’ iaitu yang diletakkan satu hadith oleh al-Bukhārī sebelum daripada hadith ini di mana beliau menyatakan bahawa beliau mempunyai 10 orang anak dan beliau tidak pernah cium seorang pun daripada mereka. Selain itu juga, terdapat ulama yang berpendapat individu di dalam hadith tersebut ialah Qais bin ‘Āsim al-Tamīmī<sup>28</sup> dimana lafaz hadith tersebut lebih menyerupai kepada hadith yang diriwayatkan oleh ‘Āishah ini. Pendapat ketiga dalam kalangan ulama ialah beliau ialah ‘Uyainah bin Ḥiṣnī seperti yang diriwayatkan di dalam

<sup>24</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 5: 212.

<sup>25</sup> Al-Baihaqī, Abū Bakar Ahmad bin al-Ḥusain bin ‘Alī bin Mūsā, “*Sunan al-Kubra*” ed. ‘Abd al-Qādir ‘Atā (Makkah: Maktabah Dār al-Bāz, 1994), no. hadith 12000, 6: 294.

<sup>26</sup> Hadith riwayat Muslim: *Kitāb al-Hibāt, Bāb Karāhah Tafḍīl Ba'd Awlād fī al-Hibah*, no. hadith 1623. Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim, “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” ed. Haitham Khalīfah al- Ṭa’mīmī, (Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2010), 613.

<sup>27</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah: *Kitāb al-Adab, Bāb Bir al-Wālid wa al-Ihsān ilā al-Banāt*, no. hadith 3665. Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī, “*Sunan Ibn Mājah*,” ed. Muḥammad Barbar, (Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah, 2010), 643.

<sup>28</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10: 430.

Musnad Abī Ya'lā.<sup>29</sup> Ibn Ḥajar mengulas hal ini dengan menyatakan ia mungkin berlaku kepada semua orang terbabit pada masa yang sama dengan hujah daripada Ṣahīh Muslim yang menyebut terdapat sekelompok orang badwi yang berjumpa Rasulullah SAW pada masa tersebut.<sup>30</sup> Walau bagaimanapun dikehendaki daripada hadith tersebut adalah seorang ayah tidak malu untuk menzahirkan perasaan kasihnya terhadap anak-anak mereka dengan mencium mana-mana anggota badan mereka selagi mana tidak melibatkan kawasan aurat mereka berdasarkan pendapat ramai ulama.<sup>31</sup>

Daripada hadith ini dapatlah difahami bahawa tidak menzahirkan perasaan kasih terhadap anak kecil dengan memberi ciuman kepada mereka adalah suatu penganiayaan kepada anak kecil ini kerana menjadi fitrah mereka bahawa mereka suka diberi perhatian dan suka dikasihi. Ia boleh dikatakan sebagai suatu penganiayaan terhadap emosi mereka. Hal ini kerana seorang kanak-kanak pastinya memerlukan ibu dan ayah mereka menonjolkan sikap kasih mereka yang masih kecil ini. Kegagalan untuk melakukan sedemikian akan memberi kesan sama ada dalam jangka masa panjang atau pendek terhadap perkembangan kanak-kanak tersebut.<sup>32</sup> Selain daripada nilai kasih sayang yang perlu ditonjolkan, dapat juga diambil pengajaran akan peri pentingnya untuk membahagi masa bersama anak-anak agar mereka tidak tersisih dan kurang mendapat sokongan daripada kedua ibu bapa mereka. Perkara-perkara ini diraikan di dalam Islam dan tidak menunjukkan bahawa ibadat itu hanya melakukan perkara yang berkaitan dengan rukun Islam sahaja.

### [Hadith Ketiga] ]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin ‘Āmir berkata: “Suatu hari ibuku telah memanggilku ketika Rasulullah SAW berada dalam rumah kami.” Beliau berkata: “Marilah sini, aku akan memberi kepada kamu.” Lantas Rasulullah SAW bertanya kepada ibuku: “Apa yang engkau akan berikan kepadanya?” Ibuku menjawab: “Aku akan memberinya kurma.” Rasulullah SAW berkata kepada ibuku: “Jika kamu tidak memberi sesuatu kepadanya, maka itu akan ditulis suatu kebohongan ke atas kamu.”<sup>33</sup>

Hadith ini bersambung sanad. Namun terdapat perawi *mubham* di dalam sanadnya. Akan tetapi berdasarkan sokongan daripada Musnad Aḥmad melalui *shawāhid* jalan daripada Abū Hurairah yang ṣahīh,<sup>34</sup> lelaki tersebut dapat dikenalpasti dan beliau bernama Abū Sa’īd.<sup>35</sup> Maka hadith ni boleh diangkat darjatnya kepada *ḥasan li ghairih* dengan sokongan daripada perawi lain dan bantuan pengenalan perawi daripada *shawāhid* Abū Hurairah. Hal ini dikuatkan lagi

<sup>29</sup> Hadith riwayah Abū Hurairah, no. hadith 5892. Abū Ya'lā al-Mawṣilī, Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthanna al-Tamīmī, ed. Ḥusain Sālim Asad, *Musnad Abī Ya'lā* (Damsyik: Dār al-Ma'mūn li al-Turāth, 1984), 10: 296.

<sup>30</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣahīh al-Bukhārī*, 10: 430.

<sup>31</sup> Ibid.

<sup>32</sup> Azizi Hj Yahaya, “Pembentukan Personaliti Remaja” (makalah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, t.t), 5.

<sup>33</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: *Kitāb al-Adab, Bāb fī al-Tashdīd fī al-Kazb*, no. hadith 4991. 921.

<sup>34</sup> Ibn Ḥanbal, Abū ‘Abdullah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Shaibānī, ed. Shu'aib al-Arnauṭ et al., ed. ke-1, *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal* (Beirut: Muassasah al-Risālah, 2001), no. hadith 9836, 15:520.

<sup>35</sup> Beliau dikenali sebagai Abū Sa'īd Mawlā ‘Abdullah bin ‘Āmir bin Kuraiz al-Khuza'ī. Beliau adalah seorang yang *thiqah* dan ada diriwayatkan di dalam Ṣahīh Muslim, al-Marāṣīl Abū Dāwūd, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah. (Lihat al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Ḥajjāj Yūsuf, ed. Bashshār ‘Awwād Ma'rūf, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā' al-Rijāl*, ed. ke-1, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1998), 8: 321).

dengan penyataan daripada Shu'aib al-Arnauṭ ketika memberi komentar dalam hadith ini.<sup>36</sup> Melalui hadith ini didapati Rasulullah SAW menyuruh berlaku jujur dan melarang untuk seorang ibu atau bapa itu untuk bergurau atau memberi satu harapan palsu kepada anak kecil mereka mahupun yang dewasa. Hal ini kerana banyak hadith-hadith nabi SAW lain yang melarang bagi seseorang tersebut sengaja melakukan penipuan sama ada untuk bergurau mahupun membuat lawak.<sup>37</sup> Hal ini kerap kali dilakukan oleh masyarakat kita ketika anak kecil mereka sedang menangis sebagai contoh. Perbuatan sedemikian yang gemar dilakukan oleh manusia bertujuan untuk menenangkan si anak kecil adalah suatu perkara yang haram dan termasuk dalam salah satu dosa penipuan.<sup>38</sup> Tujuan nabi SAW melarang perbuatan tersebut adalah agar kanak-kanak tidak teraniaya dengan suatu harapan yang tidak ditunaikan oleh ibu dan ayah mereka. Ini kerana proses tersebut dapat mengganggu fikiran anak kecil tersebut daripada perkara yang tidak pasti. Mengikut ilmu psikologi, seorang kanak-kanak seawal usia satu tahun lagi sudah menilai hubungannya dengan ibu bapa mereka. Pada usia seawal ini bayi yang diberi jagaan yang baik dan kasih sayang yang cukup akan memberi rasa percaya kepada kedua ibu bapa mereka. Namun jika perkara sebaliknya berlaku, mereka akan berasa syak wasangka dan takut dengan orang di sekeliling mereka.<sup>39</sup>

#### **Keempat: Perbincangan Tentang Pengabaian**

[Hadith Pertama]

Terjemahan: Daripada Abū Hurairah ra: Sesungguhnya al-Aqra' bin Hābis melihat nabi SAW mencium al-Hasan lantas dia berkata: "Sesungguhnya aku mempunyai 10 orang anak, akan tetapi aku tidak pernah mencium seorang pun dari mereka." Rasulullah SAW kemudian bersabda: "Sesiapa yang tidak menyayangi maka dia tidak akan disayangi."<sup>40</sup>

Sepertimana diperbincangkan hadith sebelum ini, bahawa nabi SAW telah menzahirkan kasih sayang baginda terhadap cucu-cucu baginda SAW. Lalu, dalam beberapa riwayat lain menyebut beberapa nama lelaki lain selain daripada al-Aqra'. Tujuan penulis meletakkan hadith dalam kategori ini adalah kerana lafaznya yang dilihat lebih jelas menunjukkan al-Aqra' membuat pengakuan bahawa beliau mempunyai 10 orang anak, malangnya beliau tidak pernah menonjolkan kasih sayang beliau terhadap kesemua anak-anaknya. Hal ini membawa kepada teguran nabi SAW akan sikapnya yang telah mengabaikan tanggungjawab sebagai seorang ayah terhadap anak-anaknya. Seharusnya bagi seorang ayah dan ibu untuk menunjukkan sikap kasihnya kepada kesemua anak mereka agar si anak berasa dalam keadaan dilindungi dan dihargai dalam kehidupan ibu dan ayah mereka. Hal ini kerana hubungan yang baik antara ibu bapa dan anak memainkan peranan penting dalam meramalkan emosi anak-anak.<sup>41</sup>

<sup>36</sup> Ibn Hanbal, *Musnad al-Imām Ahmad bin Hanbal*, 24:470.

<sup>37</sup> Manāhij Jāmi'ah al-Madīnah al-Ālamiah, "al-Hadith al-Mawdū'ī" (tesis sarjana, Madinah: Jāmi'ah al-Madīnah al-Ālamiah, t.t), 342.

<sup>38</sup> Al-A'zīm al-Ābādī, Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haq, 'Awn al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd wa Ma'ahu Ḥashiyah Ibn al-Qayyim Tahdhīb Sunan Abī Dāūd wa Iḍāh 'Ilalih wa Muṣhkīlātih, ed. ke-2 (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, 1994), ١٣: 229.

<sup>39</sup> Jas Laile Suzana Jaafar, *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja* (Selangor: Arah Pendidikan Sdn Bhd, 2008), 24.

<sup>40</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: *Kitāb al-Adab, Bāb fī Qublah al-Rajul Waladīh*, no. hadith 5218. 952.

<sup>41</sup> Hanani Nabilah MS, Noor Dalila IZA dan Faiz D, "Systematic Review of Child Abuse Perpetrators Worldwide: Characteristics and Risk Factors," *Journal of Health & Translational Medicine* 22 (Jun 2019), 6.

Maka jelas daripada hadith nabi SAW ini agar seorang ayah dan ibu harus menonjolkan perasaan kasih mereka agar emosi mereka lebih terjaga dan dapat mengeratkan hubungan antara seorang anak dengan kedua ibu bapa mereka. Ia juga berpadanan dengan sikap nabi SAW sebagai seorang guru dan murabbi yang harus menjadi ikutan umat Muhammad.

[Hadith Kedua]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Anas bin Ma'lik berkata: "Rasulullah SAW bersabda: "Barangsiapa dapat mengasuh dua orang anak perempuannya akan masuk aku dan dia ke dalam syurga berdekatan dan baginda menunjukkan dengan kedua jarinya (duduk berdekatan)."<sup>42</sup>

Hadith ini berupa ganjaran kepada seseorang yang sanggup memelihara anak perempuannya dengan baik sepanjang mereka masih kecil. Terdapat pandangan ulama yang menyatakan ia tidak terhad kepada jumlah dua atau tiga sahaja, bahkan jika seorang pun, penaganya mendapat ganjaran ini. Mereka berhujah dengan hadith riwayat Abū Hurairah yang diriwayatkan di dalam al-Tabarānī di dalam kitabnya.<sup>43</sup> Ia adalah ganjaran yang besar buat mereka yang berusaha untuk berkorban demi anak-anak perempuan mereka. Mereka harus dicukupkan dengan perbelanjaan dan pendidikan yang baik.<sup>44</sup> Hal ini kerana anak perempuan khususnya lebih susah dan memerlukan perhatian yang lebih disebabkan mereka ini mempunyai kecenderungan untuk terikut-ikut dengan zamannya dan lebih mudah terdedah kepada ancaman bahaya.<sup>45</sup> Melepaskan tanggungjawab ini atau mengabaikannya akan menyebabkan seseorang itu masuk ke dalam api neraka. Sepertimana yang diriwayatkan oleh Ibn Mājah di dalam kitabnya.<sup>46</sup>

Seharusnya ibu bapa yang mempunyai anak perempuan lebih menumpukan perhatian terhadap anak-anak mereka dan pandai membahagikan masa mereka agar anak-anak perempuan ini tidak hanyut dalam kehidupan dunia yang penuh pancaroba ini. Adapun jika seseorang itu bersabar dengan pemberian Allah SWT ini kepadanya maka tempat beliau adalah bersama baginda SAW di syurga nanti dalam kedudukan yang sangat rapat dan erat. Dimaksudkan di sini ialah mereka kelak akan berjiran dengan nabi SAW ketika di akhirat kelak.

[Hadith Ketiga]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'Amr bin Shu'aib daripada ayahnya daripada datuknya ('Abd Allah bin 'Amr bin al-'As) berkata: "Perintahkanlah anak-anak kamu semua solat apabila mereka berumur tujuh tahun dan pukullah mereka apabila telah berumur 10 tahun dan pisahkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan)."<sup>47</sup>

<sup>42</sup> Hadith riwayat al-Tirmidhī: *Kitāb al-Bir wa al-Šilah, Bāb Mā Jā' fī al-Nafaqah 'alā al-Banāt wa al-Akhawāt*, no. hadith 1914. Al-Tirmidhī, Abū 'Isā Muhammād bin 'Isā bin Sūrah al-Tirmidhī, "Sunan al-Tirmidhī," ed. Muhammād Barbař, (Beirut: al-Maktabah al-'Aṣriyyah, 2011), 604.

<sup>43</sup> Muhammād Taqī al-'Uthmānī, *Takmilah Fath al-Mulhim bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Imām Muslim* (Damshik: Dār al-Qalam, 2006), 5: 229.

<sup>44</sup> Al-Mubārakfūrī, Abī al-'Ulā Muhammād 'Abd al-Rahmān bin 'Abd al-Rahīm, *Tuḥfat al-Āḥwadhī Sharḥ Jāmi' al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t), 6:37.

<sup>45</sup> De Young, Mary, *The sexual victimization of children*, ed. ke-5 (Jefferson: McFarland, 1982), 68.

<sup>46</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah: *Kitāb al-Adab, Bāb Bir al-Wālid wa al-Ihsān ilā al-Banāt*, no. hadith 3665. 643.

<sup>47</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: *Kitāb al-Šalāh, Bab Matā Yu'mar al-Ghulām bi al-Šalāh*, no. hadith 495, 103.

Hadith ini merupakan hadith ḥasan disebabkan pada sanadnya terdapat seorang perawi bernama Sawwār bin Dāwūd al-Muzanī<sup>48</sup> yang dihukum oleh Ibn Ḥajar sebagai *ṣadūq lahu awhām*.<sup>49</sup> Hadith ini merupakan suatu arahan Rasulullah SAW agar anak-anak kecil diajar dengan solat dan beberapa nilai yang penting bagi menjaga institusi keluarga tersebut. Mengajar seorang budak kecil adalah menjadi tanggungjawab seorang bapa dan ibu agar anak mereka menjadi mempunyai hubungan yang rapat dengan penciptanya iaitu Allah SWT.<sup>50</sup> Kegagalan melakukan sedemikian adalah suatu bentuk pengabaian terhadap anak-anak daripada sudut jati diri dan rohani mereka yang sedang meningkat dewasa. Hal ini kerana seorang anak haruslah diterapkan dengan nilai-nilai Islam dan syariat sejak kecil lagi agar mereka tidak mudah terpengaruh dan terjebak dengan budaya liar zaman kini. Berdasarkan kajian, terdapat ibu bapa yang tidak kisah akan keperluan anak-anak mereka agar mendirikan solat. Hal ini didorong oleh pelbagai faktor sama ada daripada ibu bapa atau guru yang tidak mengambil peduli dan peri pentingnya akan hal ini. Hal ini mendorong kepada masalah-masalah sosial yang lain yang dihadapi oleh pelajar kini.<sup>51</sup>

#### [Hadith Keempat]

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Āishah ra, sesungguhnya Hindun Ibu Mu’awiyah datang kepada Rasulullah SAW dan berkata: “Sesungguhnya Abū Sufyān adalah lelaki yang kikir, dan dia tidak memberi kepadaku apa yang diperlukan bagi aku dan anakku. Apakah aku berdosa jika memberi makan (anak-anakku) daripada hartanya (tanpa pengetahuannya)? Baginda menjawab: “Ambillah apa yang mencukupi bagi kamu dan anak kamu secara baik.”<sup>52</sup>

Ibn Baṭṭāl menyatakan adalah harus bagi orang yang mempunyai hak untuk mengambil harta mereka daripada orang yang tidak memenuhi atau mengingkari pemberian hak tersebut.<sup>53</sup> Maksud cukup di dalam hadith adalah kadar yang sepatutnya diberikan nafkah oleh seseorang kepada orang di bawah tanggungannya.<sup>54</sup> Maka bagi seorang ayah adalah menjadi kewajipan kepadanya untuk memberi nafkah sama ada makanan, pakaian dan keperluan lain kepada anaknya yang masih kecil atau sudah dewasa tetapi masih belum mampu bekerja.<sup>55</sup> Melalui hadith ini diketahui bahawa Abū Sufyān telah culas dalam memberi nafkah kepada ahli keluarganya sepertimana telah diwajibkan di dalam Islam dalam menyempurnakan hak-hak isteri dan seorang anak.

<sup>48</sup> Kuniyah beliau adalah Abū Ḥamzah al-Šairafi al-Baṣrī. Kedudukan beliau di dalam sanad ini bersambung sanad dengan ‘Amr bin Shu’āib dan muridnya Ismā’īl. Merupakan perawi di dalam sunan Abū Dāwūd dan sunan Ibnu Majah. Beliau tidak meriwayatkan melainkan hadith ini. (Lihat al-Mizzī, *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, 3: 334).

<sup>49</sup> Ibn Ḥajar, Abū al-Fadl Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar, ed. Sa’ad bin Najdat ‘Umar, *Taqrīb al-Tahdhīb*, (Beirut: Muassasah al-Risālah Nāshirūn, 2011), 204.

<sup>50</sup> Sidek Baba, ed. Mohd Noor Tahir, *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia* (Selangor: Karya Bestari, 2006), 44-45.

<sup>51</sup> Siti Rokiah Abd Ghani, “Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciast), Shah Alam, Selangor” (disertasi Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2007).

<sup>52</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd: *Kitāb al-Ijārah, Bab fī al-Rajul Yakhudh Haqqahu Man Taht Yadihi*, no. hadith 5232, 668.

<sup>53</sup> Ibn Baṭṭāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik, ed. Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm, *Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, ed. ke-2 (Riyadh: Maktabah al-Rush, 2003), V: 542.

<sup>54</sup> Al-A’zīm al-Ābādī, *Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 9: 390.

<sup>55</sup> Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, 9: 509.


## **FIQH AL-HADITH KESELURUHAN DARIPADA BENTUK JENAYAH TERHADAP KANAK-KANAK**

Terdapat sembilan buah hadith yang berkait rapat dengan bentuk jenayah terhadap kanak-kanak yang terdapat dalam hadith-hadith nabawi ini ialah penderaan fizikal, penderaan seksual, penderaan emosi dan pengabaian. Pengkaji meletakkan sebuah hadith mengecam pembunuhan anak perempuan dalam kategori penderaan fizikal kerana kanak-kanak ini dibunuh ketika masih hidup. Melalui hadith ini seseorang perlu mengawal diri mereka daripada mendera anak mereka. Selain itu, ibu bapa atau penjaga harus mempunyai sifat bertanggungjawab dan memberi kasih sayang yang selayaknya buat anak kecil. Manakala bagi penderaan seksual pula yang direkodkan di dalam Abū Dāwūd melengkapkan bahawa pengajian hadith meliputi banyak perkara dan isu dalam dunia kini. Pengamatan terhadap hadith ini menonjolkan bahawa selain daripada sifat kasih yang perlu ada kepada anak kecil, ibu bapa atau penjaga harus mempunyai sifat bertanggungjawab dengan tidak mengeksplorasi anak-anak demi kepentingan peribadi dan keuntungan dunia semata-mata.

Di samping itu, terdapat bentuk jenayah berupa penderaan emosi iaitu keengganinan nabi SAW daripada menjadi saksi terhadap ketidakadilan yang dilakukan oleh seorang bapa kepada anak-anaknya dalam pemberian hadiah dan sikap tidak mengambil peduli seorang bapa akan keperluan anak-anak dari sudut penterjemahan kasih sayang. Selain itu juga, hadith mengenai kecaman seorang ibu untuk tidak membohongi anak walaupun mereka masih kecil menunjukkan perlunya sikap jujur kepada setiap insan. Kesemua jenayah ini dikategorikan di dalam penderaan emosi seorang kanak-kanak. Melalui hadith-hadith ini, seorang ibu atau bapa haruslah mempunyai sikap jujur terhadap anak dalam pemberian hadiah, mempunyai sifat bertanggungjawab, tidak berniat untuk membuat sebarang tipu daya kepada anak kecil, bijak menterjemahkan kasih sayang serta menasihati orang lain dalam urusan penjagaan anak agar setiap pihak dapat mengecapi kebahagiaan dan kehidupan yang selesa.

Adapun kategori keempat iaitu suatu bentuk jenayah apabila seseorang itu mengabaikan anak-anak kecil mereka dari sudut kesihatan dan kesejahteraan seorang kanak-kanak sama ada daripada sudut emosi atau spiritual dan keperluan nafkah berserta keperluan-keperluan lain seperti pendidikan. Antara kes hadith yang tergolong dalam kumpulan ini apabila tidak menonjolkan kasih sayang terhadap anak-anak, ancaman membiarkan anak-anak perempuan tidak dijaga dengan baik, panduan untuk mengajarkan anak dengan pendidikan seksualiti ketika kecil lagi dan mengabaikan keperluan nafkah kepada ahli keluarga. Hadith-hadith ini menunjukkan akan keperluan ibu bapa untuk mempunyai sifat tanggungjawab terutama dalam soal nafkah, menonjolkan kasih sayang yang selayaknya, prihatin dengan keperluan pendidikan anak-anak serta bijak membahagi masa dalam urusan keluarga.

Daripada kesemua hadith ini dapatlah difahami terdapat beberapa panduan yang dapat diambil daripada hadith-hadith ini. Ia boleh diringkaskan seperti carta berikut:



Rajah 3: Kesimpulan Fiqh al-Hadith Hadith-hadith Berkaitan Jenayah Terhadap Kanak-kanak

## KESIMPULAN

Nabi Muhammad SAW merupakan contoh tauladan yang terbaik. Melalui pengamatan terhadap hadith-hadith baginda SAW, ia dapat dijadikan panduan kepada umat Islam bahawa pentingnya menjaga hak kanak-kanak dengan tidak melakukan penganiayaan terhadap mereka. Beberapa panduan dalam memberi perlindungan dan pencegahan jenayah terhadap kanak-kanak dalam dilihat secara praktikal melalui hadith terkumpul ini.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, tujuh (7) buah hadith yang berkaitan jenayah terhadap kanak-kanak di dalam *sunan Abū Dāwūd* yang merangkumi setiap jenis jenayah tehadap kanak-kanak. Manakala terdapat dua pertambahan hadith lain yang tiada di *sunan Abū Dāwūd* iaitu satu hadith di dalam *sunan Ibn Mājah* di dalam kategori penderaan emosi dan satu hadith lain di dalam kategori pengabaian direkodkan di dalam *sunan al-Tirmidhī*. Kesemua hadith ini boleh dibawa hujah dan sudah dibahaskan jika terdapat masalah di dalam sanad-sanadnya. Kitab *sunan al-Nasā'ī* telah merekodkan jumlah hadith yang paling sedikit berbanding kitab-kitab lain iaitu sekadar dua (2) hadith sahaja.

Kefahaman melalui pemahaman daripada hadith-hadith penderaan dan pengabaian ini, dapatlah dilihat beberapa aspek yang perlu diberi perhatian iaitu mengawal diri, memberi dan menzahirkan kasih sayang, mempunyai sifat bertanggungjawab terhadap hak kanak-kanak, jujur terhadap anak-anak, bijak membahagi masa dan saling menasihati antara satu sama lain dalam mencapai kebahagiaan dan membina masyarakat yang harmoni. Kesemua-semua nilai-nilai ini menjadikan pengajian hadith itu sentiasa praktikal dan relevan pada setiap zaman.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Yazīd al-Qazwīnī. (2010). “*Sunan Ibn Mājah*,” ed. Muḥammad Barbar. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Abū ‘Abd al-Rahmān Aḥmad bin Shu’āib bin ‘Alī bin Sinān bin Dīnār al-Nasā’ī. (2010). “*Sunan al-Nasā’ī*,” ed. ‘Abd al-Ghanī Mastū. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Abū al-Ḥusayn Muslim bin al-Hajjāj bin Muslim. (2010). “*Ṣaḥīḥ Muslim*,” ed. Haitham Khalīfah al-Ta’mīmī. Beirut: Al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Abū Dāwūd Sulaimān bin al-Ash’ath al-Sajatānī al-Azdī. (2011). “*Sunan Abī Dāwūd*,” ed. Jamāl Aḥmad Ḥasan dan Muḥammad Barbar. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Abū Ya’lā al-Mawṣilī, Aḥmad bin ‘Alī bin al-Muthanna al-Tamīmī, ed. Ḥusain Sālim Asad. (1984). *Musnad Abī Ya’lā*. Damsyik: Dār al-Ma’mūn li al-Turāth.
- Al-A’zīm al-Ābādī, Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaq. (1968). ‘*Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*. Madinah: Al-Maktabah al-Salafiyyah.
- Al-A’zīm al-Ābādī, Abū al-Tayyib Muḥammad Shams al-Ḥaq. (1994). ‘*Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd wa Ma’ahu Ḥashiyah Ibn al-Qayyim Tahdhīb Sunan Abī Dāwūd wa Idāh ‘Ilalih wa Muṣhkīlātih*, ed. ke-2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Al-Baihaqī, Abū Bakar Aḥmad bin al-Ḥusain bin ‘Alī bin Mūsā. (1994). “*Sunan al-Kubra*” ed. ‘Abd al-Qādir ‘Atā. Makkah: Maktabah Dār al-Bāz.
- Al-Mizzī, Jamāl al-Dīn Abī al-Hajjāj Yūsuf, ed. Bashshār ‘Awwād Ma’rūf. (1998). *Tahdhīb al-Kamāl fī Asmā’ al-Rijāl*, ed. ke-1,. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Mubārakfurī, Abī al-‘Ulā Muḥammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm, *Tuhfat al-Āhwadhī Sharḥ Jāmi’ al-Tirimdhī* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t).
- Al-Qurtūbī, Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr bin Farh al-Anṣārī al-Khazrajī, ed. Ahmad al-Bardūnī dan Ibrāhīm Atṭīsh. (1964). *al-Jāmi’ li Aḥkām al-Qurān*, ed. ke-2. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, ed. Abū Ishāq al-Ḥuwaynī al-Aṭħarī. (1996). *al-Dībāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*. Saudi Arabia: Dār Ibn ‘Affān li Nashr wa al-Tawzī’.
- Al-Suyūtī, ‘Abd al-Rahmān bin Abī Bakr, ed. Markaz Hijr li al-Buhūth. (2003). *al-Dur al-Manthūr fī al-Tafsīr bi al-Ma’thūr*. Mesir: Dār Hijr.
- Al-Ṭabarānī, Abū al-Qāsim Sulaimān bin Aḥmad bin Ayyūb bin Muṭayyir al-Lakhāmī al-Shāmī, ed. Ḥamdī bin ‘Abd al-Majīd al-Salafī. (1994). *al-Mu’jam al-Kabīr*, ed. ke-2. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyah.
- Al-Ṭayālīsī, Sulaymān bin Dāwud bin al-Jārūd, ed. Muḥammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī. (1999). *Musnad Abī Dāwūd al-Ṭayālīsī*. Kaherah: Hijr lil Ṭibā’ah wa al-Nashr.
- Al-Tirmidhī, Abū ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Sūrah al-Tirmidhī. (2011). “*Sunan al-Tirmidhī*,” ed. Muḥammad Barbar. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.
- Ammerman, Robert, Herson, Michael. (1990). *Children at Risk (An Evaluation of Factors Contributing to Child Abuse and Neglect)*. New York: Plenum Press.
- Azizi Hj Yahaya, “Pembentukan Personaliti Remaja” (makalah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, t.t).
- David R. Walters. (1975). *Physical and Sexual Abuse of Children (Cause and Treatment)*. London: Indiana University Press.
- De Young, Mary. (1982). *The sexual victimization of children*, ed. ke-5.Jefferson: McFarland.
- Hanani Nabilah MS, Noor Dalila IZA dan Faiz D. (2019). “Systematic Review of Child Abuse Perpetrators Worldwide: Characteristics and Risk Factors,” *Journal of Health & Translational Medicine* 22.

- Ibn Battāl, Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Khalaf bin ‘Abd al-Malik, ed. Abū Tamīm Yāsir bin Ibrāhīm. (2003). *Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī li Ibn Baṭṭāl*, ed. ke-2 .Riyadh: Maktabah al-Rush.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar, ed. Sa’ad bin Najdat ‘Umar. (2011). *Taqrīb al-Tahdhīb*. Beirut: Muassasah al-Risālah Nāshirūn.
- Ibn Ḥajar, Abū al-Faḍl Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar. (1961). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, ed. ‘Abd al-‘Azīz bin ‘Abd Allah bin Bāz. Beirut: Dār al-Ma’rifah.
- Ibn Ḥanbal, Abū ‘Abdullah Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal bin Hilāl bin Asad al-Shaibānī, ed. Shu’āib al-Arnauṭ et al., ed. ke-1. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Jal Zabidi bin Mohd Yusoff. (2007). “Aspek Pencegahan Di Dalam Undang-undang Perlindungan Kanak-kanak Di Malaysia” (tesis kedoktoran, Universiti Malaya).
- Jal Zabidi Mohd Yusoff. (2004). *Jenayah Keganasan Rumah Tangga*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jas Laile Suzana Jaafar. (2008). *Pengenalan Kepada Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*. Selangor: Arah Pendidikan Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Ketiga.
- Kasmini Kassim. (1998). *Penderaan Emosi Kanak-kanak Trauma Terselindung*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kempe, C. Henry. (1986). *The Battered Child*. London: The University of Chicago Press.
- Khadijah Alavi, Ann Wan Seng. (2003). *Memahami Latar Belakang Penderaan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd.
- Lewis, R., Spanier, G. (1979). *Theorizing About The Quality and Stability of Marriage. Contemporary Theories About The family*. New York: The Free Press.
- Manāhij Jāmi’ah al-Madīnah al-‘Ālamiah, “al-Hadith al-Mawdū’ī” (tesis sarjana, Madinah: Jāmi’ah al-Madīnah al-‘Ālamiah, t.t).
- Muhammad Taqī al-‘Uthmānī. (2006). *Takmilah Fath al-Mulhim bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Imām Muslim*. Damshik: Dār al-Qalam.
- Sidek Baba, ed. Mohd Noor Tahir. (2006). *Pendidikan Rabbani Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Selangor: Karya Bestari.
- Siti Rokiah Abd Ghani. (2007). “Amalan Solat Di Kalangan Pelajar: Kajian Di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (Ciast), Shah Alam, Selangor” (disertasi Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi)